

29 MAY 1998

Mahathir-Nuklear

MAHATHIR: DUNIA PERLU BENDUNG UJIAN NUKLEAR

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, tindakan Pakistan melancarkan ujian nuklearnya semalam adalah tidak wajar dan boleh menyebabkan berlakunya perlumbaan senjata dunia.

"Ini tidak sihat bagi dunia, sepatutnya dunia mengambil tindakan dengan cara yang paling berkesan untuk membendung semua ujian nuklear dan percubaan membuat senjata nuklear," katanya.

"Tetapi nampaknya dunia tidak begitu memberi tumpuan kepada usaha ini. Mereka asyik hendak buat senjata-senjata bagi menjualnya semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Eksposisi Multimedia Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (EMTEK'98) di Tumpat, dekat sini.

Pakistan semalam melancarkan lima ujian nuklear di Wilayah Baluchistan dekat sempadan Afghanistan sebagai tindak balas terhadap ujian yang sama yang dilancarkan oleh India awal bulan ini.

Perdana Menteri berkata tindak balas Pakistan terhadap ujian India itu, walaupun mendapat bantahan daripada dunia sebelum ini, ia tetap dijangkakan akan berlaku.

"Ini kerana apabila satu pihak membuat sesuatu untuk meningkatkan kelebihan dia, maka pihak yang satu lagi akan cuba membuktikan bahawa mereka juga ada kebolehan dan ini menyebabkan adanya perlumbaan senjata," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Malaysia menyesali ujian nuklear Pakistan dan menggesa negara itu segera menghentikan keupayaan untuk mengeluarkan senjata nuklear.

Menurut kenyataan Kementerian Luar di sini, tindakan Pakistan itu merupakan tamparan kepada usaha untuk mempertahankan rantau berkenaan bebas daripada senjata nuklear dan ancaman konflik nuklear.

"Malaysia bimbang terhadap perkembangan di rantau Asia Selatan sejak akhir-akhir ini yang boleh mencetuskan perlumbaan senjata nuklear," menurut kenyataan itu.

Malaysia menggesa semua negara berkenaan menghindari perlumbaan senjata seperti itu dan mengelak daripada tindakan yang boleh meningkatkan lagi ketegangan di kawasan berkenaan, menurut kenyataan itu.

Malaysia menggesa semua kuasa nuklear menunjukkan komitmen yang lebih kukuh ke arah pencapaian perlucutan senjata nuklear dan menghapuskan senjata nuklear mengikut jangka masa tertentu.

Malaysia juga menggesa semua negara menyertai secara aktif dalam usaha antarabangsa ke arah penghapusan sama sekali senjata nuklear dan mewujudkan dunia yang bebas daripada ancaman nuklear.

-- BERNAMA

NZ FAZ